

24/12/1999

Terengganu boleh beri subsidi pembinaan LPT

KUALA LUMPUR, Khamis - Kerajaan Terengganu boleh memberi subsidi dalam pelbagai bentuk bagi membantu mengurangkan kadar tol projek Lebuhraya Pantai Timur (LPT), kata Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Perdana Menteri berkata, antaranya ialah Kerajaan Terengganu boleh membeli tanah dan memberinya kepada syarikat konsesi secara percuma atau ia membiayai sebahagian daripada tol.

"Jalan yang nak dibina di Terengganu adalah jalan baru. Jadi kerajaan Terengganu kalau dia nak supaya tolnya rendah, mestilah beri subsidi untuk pembinaan jalan ini.

"Mungkin dengan cara mereka membeli tanah dan memberi kepada syarikat (pemegang konsesi) secara percuma ataupun membiayai sebahagian daripada tol, maka rakyat tidak akan dibebankan dengan tol yang tinggi.

"Kalau tidak, kita tak dapat bina. Kalau Kerajaan Terengganu mempunyai wang yang cukup... ingin membina dan mengutip tol juga, itu adalah hak mereka," katanya kepada pemberita selepas melancarkan syiling emas peringatan alaf baru oleh Bank Negara di sini, hari ini.

Mesyuarat Kabinet semalam memutuskan pelaksanaan projek LPT diteruskan jika Kerajaan Terengganu membenarkan kutipan tol bagi bahagian lebuhraya di negeri terbabit.

Kelmarin, Pengerusi Jawatankuasa Pembangunan Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Komunikasi Terengganu, Yahaya Ali, berkata kerajaan negeri bersetuju kutipan tol dikenakan untuk membolehkan LPT diteruskan ke negeri itu.

Keraguan mengenai pembinaan lebuhraya itu di bahagian Terengganu bermula setelah kerajaan negeri pimpinan Pas menghapuskan kutipan tol di Jambatan Sultan Mahmud di Kuala Terengganu sebaik saja ia berkuasa, sebagai memenuhi janjinya pada pilihan raya umum lalu.

Tindakan itu menyebabkan Kerajaan Pusat menimbang semula pembinaan lebuhraya itu di bahagian Terengganu kerana bimbang tol tidak dapat dikutip di lebuhraya terbabit.

Bagaimanapun, Presiden Pas, Datuk Fadzil Noor semalam berkata, beliau menerima penjelasan Kerajaan Pusat bahawa pembinaan lebuhraya itu perlu dikenakan tol kerana ia dibuat secara penswastaan, sambil menuntut supaya pembinaannya pula diteruskan ke Kelantan, dari Terengganu.

Perdana Menteri berkata, Kerajaan Pusat akan meneruskan projek itu dengan syarat kutipan tol dibenarkan kerana jalan terbabit tidak mempunyai banyak trafik berbanding di jalan-jalan di Pantai Barat.

"Jika tol tidak dikutip, maka sukar bagi pengusaha mendapat balik pembiayaan mereka. Satu daripada cara untuk mengurangkan tol ialah dengan kerajaan memberi subsidi... sebenarnya semua tol di semua expressway menerima subsidi kerajaan dalam pelbagai bentuk.

"Jika tidak ada subsidi daripada Kerajaan Pusat, kadar tol akan menjadi tinggi seperti di negara-negara lain. Sebenarnya, tol di Malaysia adalah yang terendah sekali dibandingkan dengan semua negara lain," katanya.

Beliau berkata, kadar tol lebih rendah itu kerana kerajaan memberi subsidi iaitu menyerahkan tanah dan kadang kala jalan yang sudah siap diserahkan kepada syarikat supaya kos mereka dapat diturunkan.

Mengenai usaha Kerajaan Terengganu menarik lebih banyak pelaburan asing, Dr Mahathir berkata Kerajaan Pusat sentiasa menggalakkan pelaburan di setiap negeri termasuk Terengganu.

"Kita pun melabur di negeri itu. Contohnya, Petronas dan rakan kongsinya

telah melabur RM60 bilion di Terengganu saja. Hampir semua projek petrokimia ada di Terengganu di samping industri lain seperti Perwaja," katanya.

(END)